

26 MAR 1999

IT-CABARAN

INDUSTRI IT TEMUI CABARAN BARU MENERUSI INFOSOC MALAYSIA '99

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Industri Teknologi Maklumat (IT) Malaysia telah mencapai matlamatnya melaksanakan prasarana dan teknologi untuk membentuk masyarakat multimedia dan kini berdepan dengan cabaran barunya, kata setiausaha kepada Majlis IT Kebangsaan (NITC) Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen.

Hari ini, aspek teknologi IT belum lagi kritikal kerana industri IT perlu mengenalpasti faedah yang boleh ditawarkan oleh teknologi multimedia kepada rakyat Malaysia, katanya kepada pemberita di satu sidang akhbar di sini, hari ini.

"Kita tidak boleh memilih untuk menangguk atau menafikan masa depan tetapi bersedia untuknya dengan memperkenalkan akses canggih dan pengetahuan penggunaan IT kepada setiap orang, di mana ia akan membentuk daya saing dan kejayaan masa depan negara," tambahnya.

Dengan demikian, beliau berharap persidangan dan pameran INFOSOC MALAYSIA'99 selama empat hari bermula 20 Mei depan, akan berjaya dalam menyampaikan idea kepada orang awam, sektor swasta dan bukan kerajaan yang terlibat dan bekerjasama dalam rangka kerja prinsipal, garis panduan dan peraturan kebangsaan bagi agenda pentadbiran baru dalam industri IT di abad ke-21.

Beliau berkata tujuan strategik itu adalah untuk memastikan keselesaan dan kelaziman tahap pengalaman dalam menggunakan teknologi maklumat baru pada tahun 2020 adalah sama seperti keselesaan seseorang dalam menggunakan telefon ketika ini.

Pameran INFOSOC akan membabitkan penyertaan aktif daripada orang awam, industri swasta dan masyarakat Malaysia dalam berkongsi idea dalam satu siri perbincangan dan bengkel kerja yang akan mengutarakan isu-isu mengenai faedah, masalah dan penyelesaian dalam industri IT terutamanya perdagangan elektronik (e-commerce).

Satu siri bengkel kerja pra-persidangan akan diadakan pada 20 Mei dan 21 Mei di bangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan institusi tempatan dalam kawasan perbandaran itu seperti sekolah dan kolej.

Bengkel kerja pra-persidangan itu akan membincangkan isu-isu berkaitan dengan persidangan tersebut iaitu 5E, e-komuniti, e-perkhidmatan awam, e-pembelajaran, e-ekonomi dan e-kedaulatan manakala isu-isu bermasalah yang dibangkitkan akan dibentangkan di sesi dialog persidangan khas dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada 22 Mei.

Persidangan 22 Mei itu akan diadakan di Sheraton Subang dengan anggaran 250 hingga 300 perwakilan menyertainya manakala pameran akan diadakan sepanjang persidangan itu yang berlangsung Dewan Jubli Perak di Shah Alam.

Pameran itu akan mempamerkan aplikasi IT yang telah dimajukan dan sedang dimajukan dalam merealisasikan matlamat yang sama - untuk meningkatkan kualiti kerja dan kehidupan semua rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

MFZ ZK MA